

31/08/2003

Pendidikan asas pertahanan kemerdekaan

Syuhada Choo Abdullah

KETIKA negara meraikan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 secara gilang-gemilang di Putrajaya, dunia terus bergolak dengan pelbagai konflik dan persengketaan yang mengakibatkan pertumpahan darah serta penderitaan, bukan saja di kalangan pejuang tetapi juga mereka yang masih terlalu mentah untuk mengenali makna kehidupan.

Dalam menghadapi senario global yang semakin tidak menentu itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetap menegaskan bahawa 'senjata' utama bagi mempertahankan negara pada masa depan ialah pendidikan meskipun beliau tidak menolak keperluan dan kepentingan berbelanja untuk pengukuhan angkatan bersenjata.

Dalam dialog dengan Jemaah Menteri, Ahli Parlimen, cendekiawan serta kumpulan pemikir Syria di Perpustakaan Al-Assad, Damsyik, baru-baru ini, Perdana Menteri menekankan bahawa pendidikan amat penting kerana tanpa pendidikan, sesebuah negara tidak dapat dipertahankan.

"Saya suka menekankan bahawa pendidikan bermakna bukan saja belajar mengenai agama, tetapi juga mengenai sains, teknologi, perubatan, semua kemahiran dan pekerjaan lain yang boleh membantu menyumbang ke arah mempertahankan keupayaan anda.

"Anda mesti mempunyai pengetahuan asas agama tetapi kita tidak boleh ada semua rakyat menjadi ulama. Mereka boleh jadi baik dari segi pengajaran agama tetapi tidak boleh membina kapal terbang atau kapal untuk mempertahankan ummah.

"Mesti ada keseimbangan. Kadang kala tidak ada keseimbangan yang betul, sebab itulah kita menghadapi masalah," katanya.

Jelas, kerajaan memberikan penekanan begitu serius terhadap kepentingan pendidikan berkualiti dan sepanjang hayat untuk mengisi kemerdekaan negara, lebih-lebih lagi dalam menghadapi cabaran dunia tanpa sempadan kini yang mana ilmu pengetahuan berkembang drastik.

Sistem pendidikan negara disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa untuk tujuan penambahbaikan serta peningkatan supaya setanding taraf dunia bagi memastikan generasi pelapis Malaysia mampu menghadapi persaingan peringkat antarabangsa.

Kerajaan membuktikan komitmen tinggi untuk bergerak ke arah kecemerlangan dan ketinggian standard pendidikan negara walaupun terpaksa mengambil langkah kurang popular pada peringkat awal seperti pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai sesi persekolahan tahun ini.

Pada peringkat awal, pelaksanaan berkenaan menjadi isu perdebatan hangat kerana membabitkan kepentingan keseluruhan rakyat di negara ini, malah tidak ketinggalan mendapat bantahan pihak tertentu seperti kumpulan pencinta bahasa kebangsaan.

Sepanjang tempoh itu, Kementerian Pendidikan, termasuk Dr Mahathir sendiri, tidak jemu memberi penjelasan bahawa pelaksanaan itu bukan bermakna menganaktirikan bahasa Melayu tetapi bertujuan memastikan rakyat mampu menguasai bidang ilmu penting terbabit yang rata-rata dikembangkan dalam bahasa Inggeris.

Hasilnya, kajian setengah tahun pertama pelaksanaan dasar itu oleh Pusat Perkembangan Kurikulum mendapati pencapaian murid tahun satu dan pelajar tingkatan satu di kawasan bandar dan juga luar bandar seluruh negara dalam ketiga-tiga mata pelajaran Sains, Matematik serta Bahasa Inggeris, menunjukkan prestasi memberangsangkan.

Dalam konteks ini, ilmu pengetahuan yang berkualiti tinggi dan setaraf dengan perkembangan pendidikan antarabangsa adalah kunci utama untuk rakyat terus mempertahankan kemerdekaan tanah air, memperkasakan jati diri dan memelihara maruah agama, bangsa dan juga negara.

Kementerian menetapkan sasaran bahawa 100 peratus guru di sekolah menengah seluruh negara adalah siswazah menjelang 2005 dan 50 peratus guru siswazah di sekolah rendah menjelang 2010.

Malah, Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, dilaporkan sebagai berkata Kementerian Pendidikan akan memperkenalkan program bersepadu ijazah pertama dalam bidang pendidikan bagi menggantikan secara berperingkat Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM), mulai tahun depan, antara lain bertujuan menarik lulusan terbaik Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyertai profesion keguruan.

Melalui program berkenaan, semua calon dipilih dikehendaki mengikuti Program Asas dua tahun di maktab perguruan sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama bagi tempoh empat tahun lagi.

Bagaimanapun, untuk sementara, KDPM yang menawarkan opsyen bidang Pengajian Tamil, Pengajian Cina dan Pengajian Teknikal akan diteruskan pada tahun depan.

Seiring dengan pembangunan pendidikan itu, kementerian juga akan menjalankan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengurusan Pendidikan) di bawah Program Latihan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan bagi sesi akademik 2003-2005, mulai November ini.

Kerajaan berpegang teguh kepada prinsip bahawa pendidik berkualiti berfungsi melahirkan generasi pewaris yang bukan saja berilmu pengetahuan tetapi memiliki nilai murni serta keupayaan bertaraf global.

Kementerian juga sedang mengambil pelbagai langkah untuk melahirkan pelajar berfikiran kritis dan kreatif, sekali gus menolak tanggapan bahawa sistem pendidikan negara menjurus kaedah hafalan atau berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Keprihatinan kerajaan bukan terbatas kepada pelajar dalam sistem persekolahan kebangsaan saja, tetapi merangkumi mereka yang mengikuti saluran pendidikan lain, termasuk sekolah agama rakyat (SAR) yang dikesan berlaku gejala penyalahgunaan pihak berkepentingan.

Kerajaan tidak mahu bersikap lepas tangan kerana pelajar SAR agak besar bilangannya di seluruh negara adalah sebahagian anggota jentera pembangunan negara pada masa depan. Justeru, mereka perlu dipastikan menikmati peluang pendidikan sempurna dan dalam landasan pembangunan ilmu yang betul.